



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 20 DISEMBER 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4.	MAFI SASAR TINGKAT JUMLAH PETANI MUDA, NEGERI PAHANG, SH -38 PAHANG PERKASA SEKTOR PERTANIAN NEGERI, NEGERI PAHANG, SH -38 BANTU GOLONGAN MUDA JADIKAN PERTANIAN SEBAGAI KERJAYA, NEGERI PAHANG, SH -38 PELAKON TURUT CEBUI PENTERNAKAN DI BAWAH AGROPRENEUR MUDA, NEGERI PAHANG, SH -38	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5.	PENJARA JELEBU TERNAK IKAN AIR TAWAR, LOKAL, HM -18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6. 7. 8.	PELAKON TIDAK KEKOK TERNAK KERBAU, DALAM NEGERI, UM -37 PELAKON POLIS EVO TERNAK KERBAU, NEGARA, KOSMO AHAD -14 HANYA 15 PERATUS GOLONGAN MUDA MINAT BIDANG PERTANIAN, NEGARA, KOSMO AHAD -14	UNIT AGROPRENEUR MUDA (UAM)
9. 10. 11. 12. 13.	ANAK PENYU KARAH TERDAMPAR DI PANTAI TELUK KEMANG, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -37 KURANG TENAGA KERJA PUNCA HARGA SAYUR MELAMBUNG, DALAM NEGERI, UM -8 UDANG KARA 'BUDAK PANJANG', XPRESI, METRO AHAD -35 SUDAH ADA DATANG NAK BELI, XPRESI, METRO AHAD -36 CUACA 'MUSUH UTAMA' INDUSTRI TENUSU NEGARA, PANORAMA, KOSMO AHAD -30	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# MAFI sasar tingkat jumlah petani muda

Sediakan pelbagai bantuan melalui Program Agropreneur Muda

Oleh NIK AMIRULMU' MIN NIK MIN

LIPIS

**B**ilangan petani muda di negara ini hanya kira-kira 15 peratus daripada keseluruhan yang terlibat dalam sektor pertanian.

Justeru, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan lebih ramai golongan itu menyertai sektor pertanian melalui Program Agropreneur Muda.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad

Hamzah berkata, kementerian menyasarkan 1,000 permohonan di bawah program itu.

"Bagaimanapun, bilangan permohonan melebihi sasaran iaitu 1,152 bagi mendapatkan bantuan yang disediakan," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan ke Projek Tanaman Nanas MD2 di Batu 13, Jalan Lipis-Benta di sini pada Sabtu.

Terdahulu, beliau hadir pada Majlis Perasmian Program Jelajah Agropreneur Muda Peringkat Negeri Pahang di Sungai Koyan di sini.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar 1, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad dan Pemangku Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Ahmad berkata, kementerian memperuntukkan sebanyak RM1.49 juta geran agropreneur yang memberi manfaat ke-



Ahmad (dua dari kiri) mendengar taklimat ringkas daripada pengusahanya tanaman nanas MD2, Looh Chee Wee di Batu 13, Jalan Lipis-Benta pada Sabtu.

pada seramai 77 penerima sempena Program Jelajah Agropreneur Muda Peringkat Negeri Pahang.

"Geran ini bukan berbentuk kewangan tetapi barangan dan input pertanian bagi membantu agropreneur muda mengembangkan pertanian," kata beliau.

Tambah beliau, permohonan bagi

program itu masih dibuka tahun ini untuk golongan muda yang berminat dalam sektor pertanian termasuk penternakan dan perikanan.

"Bagi permohonan yang layak, mereka mendapat bantuan geran sehingga RM20,000 atau memohon melalui Tekun Nasional dan Agrobank," katanya.

## Pahang perkasa sektor pertanian negeri

LIPIS - Langkah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mewujudkan Unit Agropreneur Muda adalah tindakan tepat supaya lebih ramai golongan muda menjadikan sektor pertanian sebagai kerjaya.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, ketika ini negara kekurangan pelapis dalam kalangan generasi muda untuk memperhebat serta meneruskan kerancangan sektor pertanian negara termasuk di Pahang.

Menurutnya, sektor pertanian ketika ini banyak diusahakan mereka yang berusia menyebabkan sektor itu kurang produktif serta agak ketinggalan berbanding beberapa negara lain.

"Kita sedia maklum pihak MAFI kini sedang giat mencari kaedah terbaik dalam memastikan kecukupan bekalan makanan dan Pahang yang mempunyai potensi besar dalam sektor ini sedia memberi kerjasama," katanya menerusi teks ucapan yang dibacakan oleh Ahli Parlimen Came-

ron Highlands, Ramli Mohd Noor sempena perasmian Program Jelajah Agropreneur Muda Peringkat Negeri Pahang di Sungai Koyan di sini pada Sabtu.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar 1, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad.

Tambah Wan Rosdy, sebagai negeri terbesar di Semenanjung Malaysia dengan keluasan 3.6 juta hektar, Pahang masih banyak tanah yang boleh diusahakan untuk sektor pertanian.

"Tahun lalu, sektor pertanian negeri Pahang menyumbang 22 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri. Pada masa sama, Pahang menjadi penyumbang keempat terbesar kepada pengeluaran pertanian negara merangkumi tanaman, ternakan, perikanan dan perhutanan dengan nilai kira-kira RM12.9 bilion.

"Jumlah tersebut kira-kira 16 kali ganda lebih banyak daripada RM803.6 juta hasil kerajaan negeri kutip setakat 11 Disember lalu," kata beliau lagi.

## Bantu golongan muda jadikan pertanian sebagai kerjaya

LIPIS - Bantuan kerajaan melalui Program Agropreneur Muda di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dapat membantu golongan muda menjadikan sektor pertanian sebagai kerjaya.

Ia diakui seorang daripada 77 penerima bantuan Geran Agropreneur Muda, Wan Khairul Wan Mokhtar, 29, dari Benta di sini.

Wan Khairul merupakan penerima bantuan geran di bawah program sempena Jelajah Agropreneur Muda Peringkat Negeri Pahang yang diadakan di Sungai Koyan di sini pada Sabtu.

Wan Khairul berkata, melalui bantuan itu, dia merancang mengembangkan lagi tanaman cili secara fertisasi

yang diusahakan sejak dua tahun lalu.

"Tanaman cili yang saya usahakan seluas kira-kira 0.8 hektar mampu memperoleh pendapatan bersih RM30,000 selepas dituai," katanya.

Sementara itu, seorang pengusaha kebun buah-buahan, Looh Chee Wee, 39, mengakui pernah menerima bantuan geran itu melalui Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia dan berjaya mengembangkan tanaman nanas jenis MD2 di atas tanah seluas empat hektar di Benta hampir dua tahun lalu.

"Buat masa ini, hasil nanas hanya untuk pasaran tempatan dan Lembah Klang namun sasaran masa depan mampu menembusi pasaran luar negara," katanya.

## Pelakon turut ceburi penternakan di bawah Program Agropreneur Muda

RAUB - Pelakon filem Polis Evo, Amirul Affendi Mohd Mawardi, 35, antara 77 penerima Geran Agropreneur Muda di bawah Program Jelajah Agropreneur Siri Ke-9, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

Beliau dipilih menerima geran tersebut di atas kejayaannya sebagai penternak muda yang kini memelihara 28 ekor kerbau di Temerloh dekat sini.

Amirul Affendi mewakili 10 agropreneur muda yang lain menerima geran berjumlah RM195,000 berbentuk bantuan perbelanjaan peralatan penternakan, infrastruktur dan lain-

lain sekitar RM19,500 seorang.

"Saya menyertai program ini bagi menambah baik kandung dan pagar ternakan. Bermula lima tahun lepas dengan hanya dua ekor kerbau, kini kesemuanya sudah 28 ekor.

"Kalau ikutkan, bidang ini dimulakan oleh ayah saya. Selepas pencen, ayah saya banyak habiskan masa di kampung. Jadi, kami bersama-sama usahakannya.

"Dulu ada kambing sebanyak 40 ekor tetapi ada yang kena makan ular sawa, jadi kami jual dan bela kerbau," katanya ketika ditemui sempena Program Penyampaian Geran di Jalan Lipis Benta di sini pada Sabtu.



Ramli (dua dari kanan) dan Abdul Rahman (kiri) menghiring Ahmad (dua dari kiri) menyampaikan Geran Agropreneur Muda kepada wakil penerima sempena Program Jelajah Agropreneur Muda Peringkat Negeri Pahang di Sungai Koyan pada Sabtu.





SHAHROM (kiri) melepaskan anak ikan jelawat ke kolam ternakan di Penjara Jelebu.

## Penjara Jelebu ternak ikan air tawar

**Jelebu:** Penjara tidak lagi hanya lokasi mengurung banduan, malah kini berpotensi dibangunkan sebagai lokasi penternakan ikan air tawar skala besar.

Terbaharu Penjara Jelebu di sini, dinobatkan sebagai johan Anugerah Kecemerlangan Bengkel Akaun Amanah Sektor Penternakan Peringkat Jabatan Penjara Malaysia, sekali gus menjadi contoh kepada pengusahanya yang baru menceburi bidang akuakultur.

Pegawai Perikanan Daerah Jelebu, Mohd Azhar Jusoh berkata, pihak Penjara Jelebu sentiasa menjadikan jabatan Perikanan Negeri Sembilan sebagai rujukan utama dalam memastikan penternakan ikan air tawar

diusahakan mereka berjaya. Katanya, kejayaan Penjara Jelebu melaksanakan penternakan ikan keli secara sistematik wajar dicontohi pengusaha baharu yang lain.

"Apabila diurus dengan betul, pihak Penjara Jelebu mampu mengeluarkan sehingga lapan tan ikan keli sebulan yang bukan sahaja untuk kegunaan mereka, tetapi dipasarkan ke kawasan sekitar.

"Berikutan itu, tidak mustahil Penjara Jelebu mampu menjadi pengeluar sumber ikan air tawar secara tetap setiap bulan, malah bekalan ikan berkenaan turut dihandar antaranya ke Penjara Kajang, Sungai Buloh dan Seremban.

"Dengan memiliki lapan

kolam tanah dan 10 kolam simen, ia turut memberi latihan kemahiran kepada banduan dalam bidang penternakan," katanya kepada Harian Metro selepas program pelepasan 1,000 anak ikan jelawat di penjara berkenaan, semalam.

Hadir sama, Pengarah Penjara Jelebu, Shahrom Mohamad dan Pegawai Penyelidik Institut Perikanan Air Tawar (FRI) Glami Lemi, Parceval Conder.

Semua anak ikan berkenaan disumbangkan oleh FRI Glami Lemi.

Mohd Azhar berkata, pengusaha baharu perlu belajar dan tidak jemu menimba ilmu akuakultur bagi memastikan bidang diceburi mendatangkan keuntungan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/12/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	37

## Pelakon tidak kekok ternak kerbau

**LIPIS:** Potensi yang ada dalam industri pertanian dan penternakan mendorong seorang pelakon, Mohd. Amerul Affendi Mohd. Mawardi, 35, melibatkan diri dalam penternakan kerbau.

Mohd. Amerul Affendi yang membintangi filem seperti *Paskal*, *Bunohan* dan *Polis Evo* berkata, industri penternakan amat berpotensi dan dia tidak kekok untuk melibatkan diri menternak kerbau.

"Saya memang budak kampung dan dari kecil lagi biasa dengan haiwan ternakan kerana datuk saya memelihara lembu, jadi, tidak timbul soal kekok dan saya lihat penternakan punyai potensi yang besar.

"Sekarang, saya mempunyai kira-kira 27 ekor kerbau yang ditenak di kawasan Kampung Kelibau di Temerloh dan saya bertekad terus meningkatkan lagi jumlahnya dari semasa ke semasa," katanya ketika ditemui



**MOHD. Amerul Affendi Mohd. Mawardi, 35, bersama replika geran bantuan agropreneur muda diterimanya di Lipis, Pahang.**

pada Majlis Perasmian Jelajah Agropreneur Muda Peringkat negeri di Dewan Terbuka Laman Sejahtera Sungai Koyan di sini, semalam.

Pada majlis itu, Mohd. Amerul Affendi menerima geran bantuan yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri

Ahmad Hamzah.

Menurut Mohd. Amerul Affendi, pada peringkat awal, dia hanya menternak dua ekor kerbau kira-kira empat tahun lalu dengan membuat kandang menggunakan kayu terpakai dan jumlahnya terus meningkat dari semasa ke semasa.

Katanya, cabaran dilaluinya dalam penternakan kerbau hanyalah apabila kandang pecah sehingga perlu mencari kerbau selain ancaman daripada pencuri haiwan ternakan.

"Kalau ada pengambaran, ayah saya akan tolong menjaga kerbau dan kalau musim hari raya, perhatian lebih perlu diberikan bagi mengelakkan dicuri.

"Saya berterima kasih kepada pihak kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang memberikan bantuan geran yang akan saya gunakan sebaik mungkin khususnya membaiki kandang," ujarnya.



# Pelakon Polis Evo ternak kerbau

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

**LIPIS** - Potensi yang ada dalam industri pertanian dan penternakan mendorong seorang pelakon, Mohd. Amerul Affendi Mohd. Mawardi, 35, melibatkan diri dalam penternakan kerbau.

Mohd. Amerul Affendi yang membintangi banyak filem seperti *Paskol*, *Buhoan* dan *Polis Evo* berkata, industri penternakan amat berpotensi dan dia tidak kekuk untuk melibatkan diri menternak kerbau.

"Saya memang budak kampung dan dari kecil lagi biasa dengan halwan ternakan kerana datuk saya memelihara lembu jadi tidak timbul soal kekuk dan saya lihat penternakan punya potensi yang besar.

"Sekarang saya mempunyai kira-kira 27 ekor kerbau yang ditanak di kawasan Kampung Kelibau di Temerloh dan saya bertekad terus meningkatkan lagi jumlah-



**MOHD. AMERUL** bersama replika geran bantuan agropreneur muda diterimanya di Lipis Pahang semalam.

nya dari semasa ke semasa," katanya ketika ditemui pada Majlis Perasmian Jelajah Agropreneur

Muda Peringkat negeri di Dewan Terbuka Laman Sejahtera Sungai Koyan di sini semalam.

Pada majlis itu, Mohd. Amerul Affendi menerima geran bantuan yang disampaikan oleh Tirubalan

Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Menurutnya, pada peringkat awal dia hanya menternak dua ekor kerbau kira-kira empat tahun lalu dengan membuat kandang menggunakan kayu terpakai dan jumlah kerbau terus meningkat dari semasa ke semasa.

Katanya, cabaran yang dilaluinya dalam penternakan kerbau ini hanyalah apabila kandang pecah sehingga perlu mencari kerbau selain ancaman daripada pencuri halwan ternakan.

"Kalau ada penggambaran bapa saya akan tolong menjaga kerbau dan kalau musim hari raya perhatian lebih perlu diberikan bagi mengelakkan dicuri.

"Saya berterima kasih kepada kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang memberikan bantuan geran yang akan saya gunakan sebaik mungkin khususnya membina kandang," ujarnya.

## Hanya 15 peratus golongan muda minat bidang pertanian

**LIPIS** - Hanya kira-kira 15 peratus atau 240,000 golongan muda dikenal pasti terlibat dalam bidang pertanian berbanding lebih sejuta petani berdaftar di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, sehubungan itu pihak kerajaan akan terus menggalakkan usaha meningkatkan penglibatan golongan muda dari semasa ke semasa.

"Penglibatan golongan muda yang kurang dalam bidang pertanian ini adalah kerana golongan ini beranggapan sektor pertanian tidak memberikan pulangan yang lumayan seperti sektor lain.

"Tanggapan ini salah kerana dengan penggunaan teknologi terkini dan moden, hasil pengeluaran dapat ditingkatkan dengan lebih baik dan cepat sekali gus memberi pulangan dan pendapatan yang tinggi," katanya pada Majlis Perasmian Jelajah Agropreneur Muda Peringkat negeri di Dewan Terbuka Laman Sejahtera Sungai Koyan di sini semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad; Ahli Parlimen Cameron Highlands, Raml Mohd. Nor dan Pemangku Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Pada majlis itu beliau menyampaikan bantuan geran



**AHMAD** (dua dari kiri) diringi Abdul Rahman (kiri) dan Haslina (kanan) menyampaikan geran bantuan Agropreneur Muda kepada agropreneur muda di Dewan Terbuka Laman Sejahtera Sungai Koyan di Lipis semalam.

kepada sebahagian daripada 79 agropreneur muda yang layak menerima geran bantuan berkenaan.

Menurutnya, kerajaan telah mewujudkan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan golongan muda termasuklah program agropreneur muda yang ditubuhkan pada 2016 bagi membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam sektor agromakanan.

Katanya, sehingga kini kementerian telah berjaya membantu seramai 6,980 agropreneur muda dengan peruntukan sebanyak

RM126.4 juta melalui kelulusan geran dan pembiayaan khas agropreneur muda.

"Daripada jumlah tersebut seramai 6,919 orang peserta menerima bantuan dalam bentuk geran berjumlah RM122.13 juta manakala 61 peserta menerima bantuan dalam bentuk pembiayaan berjumlah RM4.26 juta.

"Pada tahun ini sahaja program Agropreneur Muda mendapat sambutan yang menggalakkan apabila berjaya membantu 1,152 peserta dengan peruntukan sebanyak RM21.79 juta," ujarnya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/12/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

## Kurang tenaga kerja punca harga sayur melambung

**SEREMBAN:** Harga sayur-sayuran yang melambung pada waktu ini mungkin didorong oleh faktor kekurangan tenaga kerja di ladang yang mengakibatkan pengeluaran berkurangan dan tidak dapat memenuhi permintaan.

Pengusaha fertigasi meja di Pantai, dekat sini, Mohd. Shukri Jamaladin, 34, berpandangan, majoriti pengusaha pertanian secara komersial banyak bergantung kepada tenaga kerja asing.

Jelasnya, sekatan masuk warga asing sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran pandemik Covid-19 mengakibatkan pengusaha pertanian kekurangan pekerja di tambah pula dengan keengganan warga tempatan bekerja dalam sektor tersebut.

Jelasnya, keadaan tersebut mengakibatkan pengusaha tidak boleh mengeluarkan hasil pertanian dalam skala lebih besar sekali gus berlaku kekurangan sayur-sayuran di pasaran yang mengakibatkan harga meningkat.

"Mana-mana pun sama, memang masalah pekerja, orang tempatan kita tak mahu kerja, ditawarkan gaji sebanyak RM1,400 tidak ada yang berminat, tapi kalau pekerja asing diberi gaji RM1,000 pun mereka terima.

"Saya sebelum ini ada empat pekerja asing dari Indonesia yang turut membantu, kemudian tiga daripada mereka yang pulang ke negara mereka pada hujung tahun lalu tapi sehingga kini tidak boleh masuk semula.

"Kini tinggal saya berdua dengan seorang lagi pekerja, memang tidak mampu untuk menjaga pengeluaran ladang seluas hampir 1.2 hektar, jadi kami terpaksa hadkan pengeluaran sayur dan menghenti-



**MOHD. SHUKRI JAMALADIN** menunjukkan antara sayur yang ditanam di ladang fertigasi yang diusahakannya di Pantai, Seremban baru-baru ini. - UTUSAN/BADRUL HAFIZAN MAT ISA

kan beberapa jenis tanaman sayuran," katanya ketika ditemui *Mingguan Malaysia* baru-baru ini.

Mohd. Shukri yang telah terlibat selama empat tahun dalam bidang fertigasi meja yang mengeluarkan hasil pertanian seperti sawi, bayam dan mamin menjelaskan, faktor cuaca juga menyebabkan harga sayur-sayuran meningkat.

"Terutamanya jenis sayur daun, kalau musim hujan harga mesti naik kerana sayur akan banyak rosak, kalau tanam di tanah pun lagi banyak yang rosak jadi sayur di pasaran akan berkurangan.

"Tetapi saya percaya faktor kekurangan pekerja memang menjadi punca utama, seperti saya kalau cukup pekerja saya jangka boleh mengeluarkan hasil sayur antara dua hingga tiga tan sebulan namun kini saya hanya

boleh keluarkan dalam lingkungan 300 hingga 400 kilogram sahaja seminggu," katanya.

Sementara itu, tambahnya, dia bernasib baik mempunyai pelanggan tetap terdiri daripada peniaga di pasar tani, kedai runcit dan restoran yang sentiasa mendapatkan bekalan sayur daripadanya.

"Saya tak hantar hasil pertanian ini kepada pasar-pasar kerana memang tidak mencukupi, tumpuan kepada peniaga pasar tani dan saya hantar sendiri kepada mereka.

"Harga di peringkat ladang juga masih di peringkat kawalan kerana saya mahu pembeli akhir memperoleh harga yang berpatutan, tiada keperluan untuk saya menaikkan harga terlalu tinggi kerana saya sudah mempunyai pelanggan tetap yang banyak menyokong sebelum ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/12/2020	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU/ KELANTAN	37

## Anak penyu karah terdampar di Pantai Teluk Ketapang

**KUALA NERUS** - Angkatan Pertahanan Awam (APM) menyelamatkan seekor anak penyu karah yang ditemukan terdampar dalam keadaan lemah di Pantai Teluk Ketapang pada Jumaat.

Pegawai APM Kuala Nerus, Leftenan Muda (PA) Nurul Asjad Syuhirah Ahmad Bakhtiar berkata, reptilia itu diselamatkan sepasukan anggota selepas menerima panggilan daripada orang awam kira-kira jam 5.15 petang.

“Penyu itu cuba dibawa kembali ke pantai namun gagal kerana keadaannya yang terlalu lemah,” katanya dalam satu kenyataan di sini pada Sabtu.

Beliau berkata, penyu berkenaan kemudiannya diserahkan kepada Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang untuk rawatan lanjut.

FOTO: IHSAN APM



Seekor anak penyu karah ditemui terdampar dalam keadaan lemah di Pantai Teluk Ketapang di Kuala Nerus pada Jumaat.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/12/2020	KOSMO AHAD	XPRESI	35



UDANG kara boleh dijual dengan RM120 sekilogram.



MOHD Azli Hisyam menunjukkan udang kara yang semakin membesar dan menunggu masa untuk dipasarkan.



MOHD Azli Hisyam menternak udang kara dengan bantuan Risda.

# UDANG KARA 'BUDAK PANJANG'

Ternakan remaja tertinggi di Malaysia kini cecah lebih 2,000 ekor

## AGRO

Teks dan foto Ramli Ibrahim  
rencana@hmetro.com.my

'Tinggi terlajak' mengubah pendirian hidup seorang pemuda kerana terpaksa melupakan cita-cita asal menjadi tentera dan beralih kepada menternak udang kara.

Mohd Azli Hisyam  
Abdul Ghafar, 26, atau

lebih dikenali sebagai 'budak panjang' kerana ketinggian luar biasa iaitu 2.2 meter. Lelaki tertinggi di Malaysia ini tidak menyesal mengubah haluan hidupnya.

Malah, dia menganggap menternak udang kara dekat rumahnya di Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Kesedar Paloh 3, Gua Musang, Kelantan rezeki yang datang bergolek.

Ini apabila dia mendapat tawaran Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) untuk menternak udang kara yang belum ada penduduk berbuat demikian di sekitar Gua Musang dan semuanya diberi bantuan.

Daripada permulaan menternak udang kara itu enam ekor tujuh bulan lalu kemudian ditambah 70 ekor lagi udang induk

yang membiak hingga lebih 2,000 ekor sekarang.

Ketika ditemui, dia berkata, selain dapat benih udang kara itu secara percuma, Risda daerah itu juga membina sebuah bangsal dan lengkap dengan kemudahan.

Katanya, sebelum ini timbul rasa rusing apabila sukar mencari peluang pekerjaan berikutan diri berubah

ketinggian secara luar biasa ketika berumur 14 tahun.

"Saya memang tidak perasan berlaku perubahan luar biasa itu hingga rakan sekelas menyuarakannya kepada saya mengenai perkara itu.

"Selepas setahun saya mula merasai perubahan ketinggian hingga sukar berdiri lebih lama dan cepat rasa penat," katanya.

Dalam keadaan demikian, selepas tamat pengajian dia tidak ada pilihan dan untuk hidup berdikari dia memberi tumpuan kepada ternakan udang kara.

Menurut Mohd Azli Hisyam, memang cita-citanya menjadi tentera sejak di bangku sekolah, tetapi sudah hilang kelayakan disebabkan ketinggian luar biasa.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/12/2020	KOSMO AHAD	XPRESI	36

# SUDAH ADA DATANG NAK BELI

Mohd Azli Hisyam perlu tunggu antara 3 hingga 5 bulan supaya pembesaran meningkat sebelum jual

**DUBU MUKA 36**

Dia adalah lepasan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Naka, Alor Star, Kedah bahagian penyaman udara, tetapi selepas tamat pengajian tidak mampu melakukan kerja itu.

Malah, dia juga menerima sijil daripada Malaysia Book Of Records sebagai remaja tertinggi di negara ini beberapa tahun lalu disampaikan Datuk Seri Najib Razak yang ketika itu Perdana Menteri.

Katanya, selain sukar mencari peluang pekerjaan sama ada di jabatan kerajaan atau swasta, dia juga terpaksa melupakan hasrat berumah tangga kerana tidak ada pilihan wanita yang sesuai.

“Orang seperti saya ini yang mempunyai ketinggian luar biasa sukar bagi wanita untuk terima sebagai suami,” katanya.

Bagi menghilangkan rasa tertekan berdepan dengan segala masalah itu dia lebih banyak menghabiskan masa sehabisan dengan



BANGSAL tempat memelihara udang kara dibina dengan bantuan Risa dan langkah peralihan memelihara.



PRESIDEN Kelab Media Kelantan Darulnaim (Kentudi), Shahrin Haniff A Sulaimi (dua dari kiri), timbalannya Zabidi Ishar dan wartawan bersama Mohd Azli Hisyam.



Mohd Azli Hisyam memunggang motosikal beraturan nak sejauh satu kilometer dari kedai makan ibu bapanya ke bangsal ternakan udang kara setiap hari.



Mohd Azli Hisyam (kiri) berbincang dengan bapanya, Ab Ghafar setiap hari sebelum ke bangsal ternakan udang.

**Pembijakan udang itu cepat iaitu antara 20 hingga 40 ekor bagi setiap induk yang ditenaknya dan pasaran cukup besar iaitu RM120 sekilogram**

## MOHD AZLI HISYAM

memernak udang. Ternakan udang kara itu belum boleh dijual dan perlu tunggu antara tiga hingga lima bulan supaya pembesaran meningkat. Katanya, pembijakan udang itu cepat iaitu antara 20 hingga 40 ekor bagi setiap induk yang ditenaknya dan pasaran

cukup besar iaitu RM120 sekilogram.

Dia akan gandakan jumlah ternakan udang itu dahulu sebelum dipasarkan walaupun sudah ada yang datang untuk membelinya.

Bapanya, Ab Ghafar Omar, 74, pula berkata, bidang ternakan udang itu perlu banyak dipelajari kerana ada kerumitan dari segi penjagaannya selain dia banyak membantu Mohd Azli Hisyam.

“Saya berada di bangsal ternak udang itu setiap hari selain Mohd Azli Hisyam juga menerima tunjuk ajar daripada Risa dan jabatan Perikanan Kelantan.

“Insya-Allah, bidang itu boleh mencapai kejayaan berterusan selagi berlaku pembijakan dan menambah jumlah udang sebelum dapat dijual,” katanya.

Dia berkata, Mohd Azli Hisyam anak ketujuh daripada lapan beradik yang mempunyai ketinggian luar dan mungkin la rahmat Tuhan.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/12/2020	KOSMO AHAD	PANORAMA	30

# Cuaca 'musuh utama' industri tenusu negara

**B**ERMULA dengan 60 ekor lembu, jenama Farm Fresh yang dimiliki syarikat The Holstein Milk Sdn. Bhd. kini telah bertambah kepada 5,500 ekor lembu di ladang Malaysia, manakala 3,200 ekor lembu pula di ladang di Australia. Syarikat tenusu tempatan yang ditubuhkan pada tahun 2009 itu mempunyai dua buah beroperasi di Muadzam Shah, Pahang dan Larkin, Johor dengan kapasiti pengeluaran mencecah kepada 12 juta liter setahun serta dianggarkan satu juta liter sebulan. Ladang-ladangnya terletak di Mawai, Kota Tinggi, Johor; Desaru, Johor; Muadzam Shah, Pahang; Universti Putra Malaysia, Serdang dan juga Melbourne, Australia, manakala satu lagi ladang sedang dalam proses pembinaan di Pondok Tanjung, Perak.

Muadzam Shah bukan sahaja mempunyai ladang ternakan lembu, malah di sana juga terdapat sebuah kilang pemprosesan tenusu bernilai RM25 juta.

Penyertaan Khazanah Nasional Berhad melalui pegangan ekuiti sebanyak 30 peratus dalam syarikat itu juga menunjukkan komitmen kerajaan terhadap usaha untuk meningkatkan lagi perniagaan berasaskan susu segar yang kini mencatat permintaan tinggi di pasaran domestik. Syarikat tersebut juga baru-baru ini mengharumkan nama negara apabila strategi perniagaan berasaskan susunya itu mendapat pengiktirafan di peringkat Asia Tenggara dalam The ASEAN Business Award 2020 (ABA2020) di Hanoi, Vietnam.

Bagi membincangkan lebih lanjut mengenai perusahaan produk tenusu tempatan, wartawan *Kosmo! Ahad*, ZUBAIDAH IBRAHIM menemu bual Ketua Pegawai Operasi syarikat itu, Azmi Zainal yang lazim digelar 'Bos Susu' di pejabatnya di Serdang, Selangor baru-baru ini.

**KOSMO! AHAD:** Tahulah atas kejayaan Farm Fresh meraih anugerah ASEAN Inclusive Business Award di ABA2020 baru-baru ini. Apa yang boleh tuan ulas mengenai kejayaan ini?

**AZMI ZAINAL:** Alhamdulillah, syukur dan terima kasih di atas penghargaan ini yang pastinya kemenangan tersebut menaikkan lagi semangat kami untuk mempertingkatkan mutu perniagaan pada masa akan datang.

Anugerah ini dianugerahkan kepada Farm Fresh kerana sumbangan kami kepada masyarakat setempat melalui strategi perniagaan yang membantu golongan

berpendapatan rendah meningkatkan ekonomi masing-masing.

Sebanyak 80 peratus pesertanya suri rumah yang mendapat manfaat daripada strategi perniagaan itu.

**Apakah misi syarikat ini semasa hendak ditubuhkan?**

Misi utama kami pada peringkat awal adalah untuk mengeluarkan produk berkualiti dan berkhasiat kepada rakyat Malaysia.

Sebelum Farm Fresh berada di pasaran, kebanyakan susu yang dijual adalah dalam bentuk campuran semula kerana kekurangan ladang menghasilkan susu segar.

Menyedari hal itu, kami menambah jumlah lembu dan membesarkan ladang sebagai fokus utama bagi mencapai sasaran tersebut.

Pada tahun 2012, kami dilantik sebagai syarikat peraju kepada Projek Penggerak Ekonomi (PPE-NKEA) di bawah kluster tenusu.

Itu menjadi dorongan dan inisiatif kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran tenusu negara.

Melalui program tersebut, harga ladang susu mentah dinaikkan dari RM1.40 kepada RM2.40 seliter.

**BAGI** Azmi, misi utama syarikat itu adalah mengeluarkan produk berkualiti dan berkhasiat kepada rakyat di negara ini.



Banyak ladang ditutup kembali beroperasi, manakala ladang baharu juga diwujudkan.

**Bagaimana kaedah penternakan lembu-lembu di ladang syarikat ini?**

Kami sentiasa mengimprovisasi kaedah penternakan dengan memastikan lembu tersebut selesa dan sihat supaya dapat menghasilkan susu sedap, banyak dan berkualiti.

Antara jenis lembu diternak di ladang kami adalah Jersey Friesian dan Australian Friesian Sahiwal.

Di samping itu, demi memastikan susu berkualiti, sedap dan berkhasiat, kami menanam serta memberi rumput berkualiti kepada lembu.

Kami kini mempunyai 8,700 ekor lembu yang merangkumi ladang di Kota Tinggi, Johor; Muadzam Shah, Pahang; Desaru, Johor; Melbourne, Australia dan Universti Putra Malaysia, Serdang.

**Berbalik kepada kejayaan modus operasi perniagaan Farm Fresh, dengan kata perniagaan ini turut melibatkan golongan tidak bernasib baik seperti ibu tunggal dan sebagainya? Boleh jelaskan?**

Selain membekalkan susu segar kepada pasar raya, kami turut mewujudkan peluang

**SUSU** yang dikeluarkan menerusi Jenama Farm Fresh bukan berbentuk campuran semula seperti apa yang ada di pasaran sebelum ini.

Demi memastikan susu berkualiti, sedap dan berkhasiat, kami akan menanam serta memberi rumput berkualiti kepada lembu-lembu di ladang Farm Fresh.





perniagaan untuk usahawan kami menambah pendapatan menerusi Program Pembangunan Usahawan Micropreneur Home Dealer sejak tahun 2016.

Tujuan utama program itu adalah membangunkan usahawan mikro, meningkatkan ekonomi isi rumah dan membina perkhidmatan lebih baik.

Kini program itu dalam fasa kedua yang memberi fokus untuk melatih usahawan mikro Farm Fresh supaya menjadi lebih sistematik dalam pengurusan perniagaan.

Fokus utama program itu adalah untuk memperluaskan lagi rangkaian pengedar dan lebih penting, meningkatkan lagi pendapatan dan saiz perniagaan mereka pada masa depan.

Program tersebut juga pernah mencatat jualan sehingga RM16 juta sebulan dan menyumbang kepada 30 peratus kepada pendapatan keseluruhan jualan syarikat.

Sejak beroperasi 11 tahun lalu, kami mengeluarkan 65 produk yang dipasarkan di Malaysia, Singapura dan Brunei.

Antara produk itu adalah susu segar penuh krim, rendah lemak, susu berperisa seperti Premium Chocolate, Café Latte dan Susu Kurma. Di samping susu lembu, kami juga menawarkan susu kambing menerusi jenama Nubian Goats Milk.

#### Bagaimana pihak tuan melihat industri susu di Malaysia dan apakah penambahbaikan yang dicadangkan?

Industri tenusu di Malaysia masih banyak ruang untuk dikembang dan diperkasakan. Kejayaan kami hari ini adalah kerana usaha keras beserta perancangan perniagaan yang bagus.

Rahsia utama kami adalah menggunakan lembu Australian Friesian Sahiwal yang mana genetiknya dibangunkan oleh kami untuk penghasilan susu lebih banyak dan berkualiti serta dapat menyesuaikan diri dengan cuaca di negara ini.

Saya berpandangan, bagi mengembangkan lagi industri ini, kerajaan boleh menempatkan semula penternak-penternak kecil di kawasan padang ragut sedia ada yang terbiar.

Selain itu, usahawan susu juga perlu menghasilkan lebih banyak produk baharu yang berinovasi berasaskan tenusu.

#### Bagaimana tuan melihat Pelan Industri Tenusu Negara membantu mengembangkan industri susu di Malaysia?

Menerusi Program Pembangunan Industri Tenusu Negara dijangka mampu memenuhi permintaan susu segar tempatan menjelang 2025 dengan pembinaan lima lembah susu.

Saya melihat Pelan Industri Tenusu Negara bakal melahirkan lebih banyak lembah susu dan setakat ini hanya satu lembah tenusu Muadzam Shah yang beroperasi sepenuhnya.

Empat lagi lembah tenusu bakal beroperasi ialah dua di Perak dan



**ANTARA jenis lembu yang diternak di ladang Farm Fresh adalah Jersey Friesian dan Australian Friesian Sahiwal.**

masing-masing satu di Selangor dan Malaysia Timur yang telah dimasukkan ke Dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

#### Apakah cabaran utama yang dihadapi oleh pengusaha industri susu di negara ini?

Cabaran utama sebagai pengusaha industri susu adalah cuaca di negara ini yang tidak sesuai untuk penternakan lembu susu. Ini sekali gus menyebabkan haluan itu tidak subur dan kurang sihat sehingga menjejaskan penghasilan susu.

Lembu susu yang berasal dari Australia itu sesuai diternak di negara atau tempat yang mempunyai suhu 15 hingga 24 darjah Celsius.

Sehubungan itu, baka yang sesuai dengan cuaca di negara ini penting untuk kelestarian industri susu. Justeru, kami menghasilkan genetik Australian Friesian Sahiwal bagi mengatasi masalah tersebut.

Tidak dinafikan, persaingan dengan jenama besar turut memberi cabaran, terutama ketika memulakan perniagaan.

#### Boleh kongsi sedikit resipi dan rahsia kejayaan Farm Fresh?

Kejayaan tidak datang dengan mudah sekiranya tidak bekerja keras

dan berusaha bersungguh-sungguh.

Begitu juga kami yang sering menerapkan perkara tersebut kerana kejayaan tidak datang bergolek.

Kami juga berkongsi rezeki dengan memberi peluang kepada suri rumah atau orang hilang punca pendapatan untuk menjadi usahawan mikro.

#### Apakah perancangan dan sasaran syarikat pada masa depan?

Pada masa depan, kami mempunyai beberapa perancangan dirangka seperti melabur hingga RM25 juta bagi projek penambahbaikan ladang di Muadzam Shah, Pahang.

Kami juga akan membuat pembukaan ladang baharu di lembah tenusu Selama, Perak dengan pelaburan sebanyak RM40 juta.

Sehubungan itu, usaha ini bakal memberi lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dalam jangka masa panjang. Farm Fresh juga optimis untuk menjadi pengeluar susu segar terbesar di Asia Tenggara.

Ini mampu dicapai apabila syarikat kini telah mengeksport rangkaian produk ke Singapura dan Brunei yang mendapat sambutan.

Selain itu, produk kami juga bakal memasuki pasaran Indonesia dan Filipina pada masa tahun hadapan.

#### EKSTRA

AZMI ZAINAL

- Dilahirkan di Muar, Johor
- Membesar di FELDA Sungai Kelamah, Gemas, Negeri Sembilan
- Mempunyai dua orang cahaya mata
- Berpengalaman 30 tahun dalam bidang perniagaan
- Taraf pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia



**PENGUMUMAN** tentang pengeluar jenama Farm Fresh, Holstein menerima The ASEAN Business Award 2020 (ABA2020) di Hanoi, Vietnam baru-baru ini.